

PENGARUH KAWALAN KENDIRI, INTERAKSI
PENGAJARAN DAN INTERAKSI SOSIAL
TERHADAP PENGLIBATAN MURID
MELALUI PENDEKATAN
PEMBELAJARAN
HIBRID SERENTAK

SITI ALWANI BINTI AB RAHIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



PENGARUH KAWALAN KENDIRI, INTERAKSI PENGAJARAN DAN
INTERAKSI SOSIAL TERHADAP PENGLIBATAN MURID
MELALUI PENDEKATAN PEMBELAJARAN
HIBRID SERENTAK

SITI ALWANI BINTI AB RAHIM



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





Sila tandakan (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

☐
☐
☒
☐

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09 Januari 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, **Siti Alwani Binti Ab Rahim, M20211000215, Fakulti Pembangunan Manusia** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Pengaruh Kawalan Kendiri, Interaksi Pengajaran dan Interaksi Sosial Terhadap Penglibatan Murid Melalui Pendekatan Pembelajaran Hibrid Serentak** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Prof. Madya Ts. Dr. Mahizer Bin Hamzah** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Pengaruh Kawalan Kendiri, Interaksi Pengajaran dan Interaksi Sosial Terhadap Penglibatan Murid Melalui Pendekatan Pembelajaran Hibrid Serentak** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh **Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Instruksional)**.

12/ 01/2024

Tarikh

Prof. Madya Dr. Mahizer bin Hamzah

Pengarah Kanan
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH KAWALAN KENDIRI, INTERAKSI PENGAJARAN DAN INTERAKSI SOSIAL TERHADAP PENGLIBATAN MURID MELALUI PENDEKATAN PEMBELAJARAN HIBRID SERENTAK

No. Matrik / Matric's No.: M20211000215
Saya / I: SITI ALWANI BINTI AB RAHIM

mengaku membenarkan Tesis/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐**TERHADIRESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Prof. Madya Dr. Mazhizer bin Hamzah
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Pelajar/ *Signature of Student*)(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)

Tarikh/Date: 12/ 01/2024 & (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya siapkan tesis ini dengan selengkapnyanya. Jutaan terima kasih dan tidak terhingga kepada penyelia pertama saya Prof. Madya Ts. Dr. Mahizer Bin Hamzah yang telah bertungkus-lumus menjalankan tanggungjawab beliau sebagai penyelia bagi memastikan saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Tidak dilupakan juga, penaja pengajian sepanjang pengajian saya, iaitu pihak Bahagian Tajaan Pendidikan di bawah seliaan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah kerana memberikan keizinan dan kerjasama yang sepenuhnya sepanjang proses kutipan data dilakukan. Buat responden kajian, iaitu para murid dan guru di negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, terima kasih diucapkan kerana telah memberikan komitmen yang tinggi semasa proses kutipan data dijalankan.

Tidak lupa kepada kedua ibu bapa yang disayangi dan dihormati, iaitu Ab Rahim bin Hasan dan Habsah binti Idris yang tidak berhenti memberikan semangat pada saat saya hampir berputus asa dan juga doa-doa mereka bagi memastikan dipermudahkan segala urusan pengajian peringkat Sarjana ini. Begitu juga dengan keluarga mentua, jutaan terima kasih atas kata-kata semangat dan doa yang diberikan kepada saya. Buat suami tercinta, Mohd Khalilullah bin Yusuf@Mat Daud dan anak-anak tercinta, Muhammad Amran Amrillah, Nur Ainul Mardhiah dan Muhammad Ammar Amrullah, sekalung penghargaan umi berikan kerana tidak putus memberikan kata-kata semangat dan doa supaya umi meneruskan perjuangan ini sehingga ke akhirnya.

Turut memberikan semangat, adik-beradik tercinta yang selalu ada di samping di saat saya memerlukan sokongan. Buat kawan-kawan seperjuangan, Cikgu Fadhillah binti Setapa, Cikgu Junainah Binti Abdul Jalil, Cikgu Mohd Fairuz Bin Che Ghani dan Cikgu Ahmad Baharin Bin Mawardi diucapkan terima kasih kerana sentiasa berjuang bersama-sama pada saat susah dan senang dalam menempuh perjalanan ini.

Tidak dilupakan Dr. Shukor, Prof Zainuddin Bin Awang, Dr. Noor Insyiraah Binti Abu Bakar, Prof Dr. Azlina Binti Abu Bakar @ Mohd, Dr. Goh Swee Choo, Dr. Wong Kung Teck, Dr Izazol Binti Idris dan Dr. Shahrina Binti Ismail yang turut menyumbangkan idea dan nasihat kepada saya sepanjang pengajian.

Tiada apa yang dapat saya ungkapkan selain jutaan terima kasih atas segala sokongan, semangat, doa, nasihat dan idea yang diberikan oleh mereka semua kepada saya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam proses pembelajaran melalui kaedah Pembelajaran Hibrid Serentak (PHS). Selain itu, kajian ini juga berhasrat untuk menentukan pengaruh kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial terhadap penglibatan murid serta peramal terpenting ke atas penglibatan murid. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kajian tinjauan. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui edaran soal selidik kepada 350 orang murid tingkatan empat sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) yang mempunyai pengalaman dalam PHS. Hasil analisis deskriptif menunjukkan skor min tahap penglibatan ialah sebanyak 3.40, iaitu berada pada tahap sederhana. Manakala hasil analisis regresi berganda menunjukkan gabungan ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi sebanyak 53.6% penglibatan murid. Keputusan analisis juga menunjukkan bahawa kawalan sendiri ($\beta = .220$, $p < .05$), interaksi pengajaran ($\beta = .522$, $p < .05$) dan interaksi sosial ($\beta = .229$, $p < .05$), masing-masing memberikan sumbangan unik yang signifikan ke atas penglibatan murid. Ini membuktikan bahawa ketiga-tiga hipotesis kajian (Ha1, Ha2 dan Ha3) yang dibina diterima. Interaksi pengajaran mempunyai nilai beta yang paling besar antara ketiga-tiga pemboleh ubah dan ini menunjukkan bahawa interaksi pengajaran adalah peramal terpenting kepada penglibatan murid. Gabungan model BLS dan model CoI serta teori-teori yang dipilih telah memberi implikasi kepada satu model baharu dalam pembelajaran hibrid serentak dan belum digunakan secara meluas dalam kajian-kajian lain. Selain itu, implikasi kajian ini memberi satu pengetahuan baharu kepada para pendidik berkenaan konsep pembelajaran hibrid serentak. Hasil kajian ini boleh diaplikasikan secara praktikal oleh para pendidikan bagi menghasilkan pembelajaran hibrid serentak yang berkesan dan memastikan kelangsungan dalam pembelajaran.



THE EFFECT OF SELF-CONTROL, TEACHING INTERACTION AND SOCIAL INTERACTION ON STUDENT ENGAGEMENT THROUGH A SIMULTANEOUS HYBRID LEARNING APPROACH

ABSTRACT

The aim of this study is to assess the level of involvement of fourth-grade high school students in the Federal Territory of Kuala Lumpur in their learning process through the Simultaneous Hybrid Learning (PHS) method. Additionally, this study also aims to determine how self-control, teaching interaction, and social interaction affect student engagement, as well as to identify the most important predictors of student engagement. The research methodology used is a survey research method, where data was collected by distributing questionnaires to 350 fourth-grade high school students in the Federal Territory of Kuala Lumpur (WPKL) who have experience in PHS. The results of the descriptive analysis show that the level of involvement is at a medium level, with a mean score of 3.40. Furthermore, the results of the multiple regression analysis show that the combination of self-control, teaching interaction, and social interaction affect student engagement by 53.6%. The analysis also indicated that self control ($\beta = .220$, $p < .05$), teaching interaction ($\beta = .522$, $p < .05$), and social interaction ($\beta = .229$, $p < .05$) have a significant unique contribution to student engagement. Therefore, all three hypotheses (Ha1, Ha2 and Ha3) of the study are accepted. The instructional interaction has the largest beta value among the three variables, indicating that it is the most important predictor of student engagement. The combination of the BLS model, CoI model, and the selected theories has given rise to a new model in simultaneous hybrid learning, which has not been widely used in other studies. The implications of this study provide new knowledge to educators on the concept of simultaneous hybrid learning, which can be applied practically to produce effective PHS and ensure continuity in learning.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xiv
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xvi
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xviii
--------------------------	-------

SENARAI LAMPIRAN	xx
-------------------------	----

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
---------------------------	---

1.3 Pernyataan Masalah	12
------------------------	----

1.4 Tujuan Kajian	17
-------------------	----

1.5 Objektif Kajian	17
---------------------	----

1.6 Soalan Kajian	18
-------------------	----

1.7 Hipotesis Kajian	18
----------------------	----

1.8 Kerangka Konseptual Kajian	19
--------------------------------	----

1.9 Kepentingan Kajian	21
------------------------	----

1.10 Batasan Kajian	23
---------------------	----



1.11 Definisi Operasional	24
1.11.1 Penglibatan Murid	24
1.11.2 Kawalan Kendiri	24
1.11.3 Interaksi Pengajaran	25
1.11.4 Interaksi Sosial	26
1.11.5 Pembelajaran Hibrid Serentak (PHS)	26
1.12 Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	28
2.2 Konsep Pembelajaran Hibrid Serentak (PHS)	28
2.2.1 Kelebihan Pembelajaran Hibrid Serentak	30
2.2.2 Teknologi dalam Pembelajaran Hibrid Serentak	31
2.2.3 Pembelajaran Hibrid Serentak di Malaysia	35
2.2.4 Cabaran Pembelajaran Hibrid Serentak	37
2.3 Perbincangan Model dan Teori	41
2.3.1 Model Pembelajaran Teradun Serentak (BSL)	41
2.3.1.1 Penglibatan Pembelajaran	42
2.3.1.2 Kawalan Kendiri	44
2.3.1.3 Interaksi Pengajaran	45
2.3.1.4 Interaksi Sosial	48
2.3.2 Model Komuniti Inkuiri (CoI)	49
2.3.3 Teori Kognitif Sosial	51
2.3.4 Teori Fredricks, Blumenfeld dan Paris (2004)	52
2.3.5 Kesimpulan Perbincangan Model dan Teori	54
2.4 Kajian-kajian Lepas	55

2.4.1	Tahap Penglibatan Murid	56
2.4.2	Faktor Kawalan Kendiri	57
2.4.3	Faktor Interaksi Pengajaran	59
2.4.4	Faktor Interaksi Sosial	62
2.4.5	Kesimpulan Kajian Lepas	66
2.5	Rumusan	67

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	68
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	71
3.3.1	Populasi	72
3.3.2	Saiz Sampel	75

3.4	Instrumen	79
3.4.1	Proses Penterjemahan Instrumen	79
3.4.2	Bahagian-bahagian Instrumen	80
3.4.2.1	Bahagian A: Soal Selidik Ciri-ciri Demografi	82
3.4.2.2	Bahagian B: Kawalan Kendiri	82
3.4.2.3	Bahagian C: Interaksi Pengajaran	83
3.4.2.4	Bahagian D: Interaksi Sosial	83
3.4.2.5	Bahagian E: Penglibatan Murid	84
3.5	Kesahan Instrumen	85
3.5.1	Kesahan Kandungan	85
3.5.1.1	Langkah Pertama: Menyediakan Borang	
	Kesahan Kandungan	85

3.5.1.2	Langkah Kedua: Pemilihan Pakar Semakan Instrumen	86
3.5.1.3	Langkah Ketiga: Menjalankan Pengesahan Kandungan	88
3.5.1.4	Langkah Keempat: Mendapatkan skor item daripada pakar	89
3.5.1.5	Langkah Kelima: Mengira CVI	89
3.5.2	Kesahan Muka	98
3.6	Kajian Rintis	98
3.6.1	Kebolehpercayaan	99
3.6.2	Dapatan Kajian Rintis	100
3.7	Prosedur Kajian	102
3.7.1	Prosedur Sebelum Kajian Dijalankan	103
3.7.2	Prosedur Semasa Kajian Dijalankan	104
3.8	Aliran Kerja Analisis Data	105
3.8.1	Saringan dan semakan data	106
3.8.2	Ujian Normaliti	106
3.8.3	Analisis Deskriptif	107
3.8.4	Andaian Regresi	108
3.8.4.1	Saiz Sampel	108
3.8.4.2	<i>Multicollinearity</i>	109
3.8.4.3	Hubungan normal (<i>normality</i>), linear (<i>linearity</i>), homosedastik (<i>homoscedacity</i>)	109
3.8.4.4	<i>Outliers</i>	109
3.8.5	Analisis Statistik Inferensi	110
3.8.6	Rumusan Analisis	111
3.9	Rumusan	111

BAB 4 DAPATAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	112
4.2	Saringan dan Semakan Data	113
4.3	Ujian Normaliti	114
4.3.1	Skewness dan Kurtosis	115
4.3.2	Histogram	116
4.3.3	Kesimpulan Ujian Normaliti	118
4.4	Analisis Deskriptif	118
4.4.1	Demografi Responden	119
4.4.2	Mengenalpasti tahap penglibatan murid tingkatan empat Sekolah menengah di WPKL dalam proses Pembelajaran melalui pendekatan PHS	121
4.5	Andaian Regresi Berganda	128
4.5.1	Saiz Sampel	129
4.5.2	<i>Multicollinearity</i>	129
4.5.3	Hubungan normal (<i>normality</i>) dan linear (<i>linearity</i>)	132
4.5.4	<i>Outliers</i>	134
4.5.5	Kesimpulan Andaian Regresi Berganda	135
4.6	Analisis Regresi Berganda	136
4.6.1	Menentukan pengaruh kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS	136
4.6.2	Peramal terpenting ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS	138
4.6.3	Kesimpulan Analisis Regresi Berganda	139
4.7	Ringkasan Dapatan Kajian	140

4.8	Rumusan	142
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	144
-----	------------	-----

5.2	Ringkasan Kajian	145
-----	------------------	-----

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	148
-----	-----------------------------	-----

5.3.1	Mengenalpasti Tahap Penglibatan Murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah Di WPKL Dalam Proses Pembelajaran Melalui Pendekatan PHS	149
-------	---	-----

5.3.2	Menentukan Pengaruh Kawalan Kendiri, Interaksi Pengajaran Dan Interaksi Sosial Ke Atas Penglibatan Murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah Di WPKL Dalam Proses Pembelajaran Melalui Pendekatan PHS	153
-------	--	-----

5.3.2.1	Pengaruh kawalan kendiri ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses Pembelajaran melalui pendekatan PHS	155
---------	--	-----

5.3.2.2	Pengaruh interaksi pengajaran ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses Pembelajaran melalui pendekatan PHS	157
---------	---	-----

5.3.2.3	Pengaruh interaksi sosial ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses Pembelajaran melalui pendekatan PHS	161
---------	---	-----

5.3.3	Peramal terpenting ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses Pembelajaran melalui pendekatan PHS	163
-------	--	-----

5.4	Implikasi Kajian	167
-----	------------------	-----

5.4.1	Implikasi Teoretikal	167
-------	----------------------	-----

5.4.2	Implikasi Empirikal	168
-------	---------------------	-----

5.4.3	Implikasi Praktikal	169
-------	---------------------	-----

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	173
-----	--------------------------	-----

5.6	Kesimpulan	176
-----	------------	-----

RUJUKAN

178

LAMPIRAN

188

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Senarai alatan teknologi dalam pembelajaran hibrid serentak	33
2.2	Perbandingan kajian-kajian lepas	64
3.1	Senarai Sekolah, Bilangan Kelas dan Murid Tingkatan Empat di Negeri WPKL yang Melaksanakan PHS	75
3.2	Senarai Kelas dan Bilangan Murid bagi 11 Buah Kelas yang Terpilih	78
3.3	Kandungan Instrumen Soal Selidik dan Sumber Instrumen	81
3.4	Skala Relevan Dan Penerangan	86
3.5	Bilangan Pakar dan Nilai CVI yang Boleh Diterima	87
3.6	Senarai Panel Pakar bagi Kesahan Kandungan	87
3.7	Definisi dan Formula I-CVI, S-CVI/Ave	89
3.8	Kod Skala Penarafan Semula	90
3.9	Penskoran I-CVI (Item) Dan S-CVI/Ave (Konstruk) Berdasarkan Penilaian Pakar Terhadap Instrumen Kajian	91
3.10	Ringkasan bilangan item selepas nilai CVI dikira	97
3.11	Nilai Kebolehpercayaan	100
3.12	Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis	102
3.13	Tahap Analisis Min	108
3.14	Ringkasan Kaedah Analisis Data	111
4.1	Ringkasan data demografi yang dimasukkan oleh responden	114
4.2	Nilai skewness dan kurtosis	115
4.3	Maklumat Demografi Responden	119



4.4	Tahap Analisis Min	122
4.5	Kekerapan dan Peraturan Tahap Penglibatan Murid	123
4.6	Tahap penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses Pembelajaran melalui pendekatan PHS	123
4.7	Hubungan antara pemboleh ubah (Pearson Correlation)	130
4.8	Ringkasan Nilai Tolerance dan VIF (Statistik Collinearity)	132
4.9	Nilai Kritikal (Chi-Kuasa) Mengikut Bilangan Pembolehubah Bebas	134
4.10	Ringkasan outliers, Mahalanobis distances (MAH_1) dan Cook's Distance (COO_1)	135
4.11	Dapatan Analisis Pengaruh Kawalan Kendiri, Interaksi Pengajaran dan Interaksi Sosial Terhadap Penglibatan Murid	136
4.12	Dapatan analisis kadar pengaruh setiap peramal terhadap pembolehubah bersandar	137
4.13	Ringkasan Dapatan Kajian	140



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Populariti Carian Pembelajaran Hibrid Mac 2020 Hingga Februari 2021 dari Google Trends, 2022	8
1.2.	Status Kaedah Persekolahan di 217 Buah Negara pada 11/02/2022 UNESCO, 2020	9
1.3.	Menu-menu guru pada papan pemuka DELIMA dari Portal DELIMA	11
1.4.	Perbandingan Peratus Pencapaian Akademik Berdasarkan Penglibatan Muri	13
1.5.	Peratus Penglibatan Murid daripada Gred 5 sehingga Gred 12	14
1.6.	Kerangka Konseptual Kajian yang Diubah Suai Daripada Model Pembelajaran Teradun Serentak (BSL) dari Zhong et al., 2022	20
2.1.	Persekitaran pembelajaran hibrid serenta	33
2.2.	Perisian teknologi yang digunakan dalam Pembelajaran Hibrid Serentak	34
2.3.	Peralatan Teknologi yang digunakan dalam Pembelajaran Hibrid Serenta	34
2.4.	Paparan Platform SPADA Brightspace	35
2.5.	Model BSL dari Zhong et al., 2022	42
2.6	Model CoI oleh Garrison et al., (2000)	51
3.1.	Carian google berkenaan hybrid learning atau pembelajaran hibrid dalam bidang pendidikan	73
3.2.	Peratus penembusan jalur lebar bagi setiap negeri di Malaysia dari laman sesawang SKMM, 2022	73
3.3.	Aliran kerja proses menganalisis data	106
4.1.	Histogram bagi kawalan sendiri	116



4.2.	Histogram bagi interaksi pengajaran	117
4.3.	Histogram bagi interaksi sosial	117
4.4.	Histogram bagi Penglibatan Murid	118
4.5.	Garisan Normal Plot P-P	133
4.6.	<i>Scatterplot</i>	133



SENARAI SINGKATAN

BSL	Pembelajaran Teradun Serentak
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CoI	<i>Community of Inquiry</i>
COO_1	<i>Cook's Distance</i>
COVID-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
CVI	<i>Content Validity Index</i>
DELIMA	<i>Digital Educational Learning Initiative Malaysia</i>
DV	<i>Dependent Variable</i>
e-RAS	<i>Educational Research Application System</i>
EPDR	<i>Education Planning and Research Division</i>
FPM	Fakulti Pembangunan Manusia
Ha	Hipotesis alternatif
I-CVI	<i>Item- Content Validity Index</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IV	<i>Independent Variable</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
LMS	<i>Learning Management System</i>
MAH_1	<i>Mahalanobis distances</i>
MOOC	<i>Massive Open Online Courses</i>
N	Bilangan sampel



PADU	<i>Education Performance and Delivery Unit</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PHS	Pembelajaran Hibrid Serentak
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
R	<i>Correlation Coefficient</i>
S-CVI	<i>Scale-Content Validity Index</i>
S-CVI/Ave	<i>Scale-Content Validity Index/Average</i>
SD	Standard Deviation
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang ke-2
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPP	Sistem Pengurusan Pembelajaran
SPSS	<i>Program Statistical Package for Social Science</i>
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

SENARAI LAMPIRAN

- A Kebenaran Pengkaji Asal Bagi Menggunakan Item-Item Soal Selidik
- B Borang Soal Selidik
- C Borang Semakan Kesahan Pakar
- D Surat Lantikan Pakar
- E Dapatan Pengiraan CVI
- F Laporan Kebolehpercayaan
- G Surat Kebenaran EPRD
- H Surat Kebenaran JPWL
- I Ujian Normaliti
- J Demografi
- K Analisis Deskriptif (Tahap Penglibatan Murid)
- L Analisis Regresi Berganda

BAB 1

PENGENALAN

Perkembangan teknologi telah mencetuskan transformasi kepada sistem pendidikan bukan sahaja di Malaysia, malah di negara-negara luar. Kaedah pembelajaran mula berubah-ubah bagi memenuhi keperluan semasa selain memastikan murid dapat melibatkan diri sepenuhnya dalam proses pembelajaran. Lantaran itu, kajian ini dibangunkan bagi mengkaji tahap penglibatan murid dalam proses pembelajaran melalui kaedah Pembelajaran Hibrid Serentak (PHS). Kajian ini turut mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan tersebut. Bab ini menghuraikan secara asas tentang keseluruhan kajian yang ingin dijalankan dengan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, dan diakhiri dengan rumusan bab satu.



1.2 Latar Belakang Kajian

Penglibatan murid berkaitan dengan interaksi antara masa, usaha dan sumber yang dilaburkan serta sokongan pihak lain seperti rakan sebaya, guru, sekolah dan ibu bapa untuk meningkatkan pengalaman murid bagi menambah baik hasil pembelajaran dan mengoptimumkan proses tersebut. Keadaan ini membolehkan murid berupaya menikmati pencapaian akademik dan perkembangan kognitif yang lebih tinggi, kecekapan praktikal yang lebih baik, serta kebolehpindahan kemahiran am jika mereka terlibat dalam aktiviti yang bertujuan (Little, 2022).

Konsep pendidikan di Malaysia pada awalnya mengaplikasikan pembelajaran bersemuka yang dikenali sebagai pembelajaran konvensional atau tradisional, iaitu semua murid dengan guru berhubung di tempat dan masa yang sama seperti bilik darjah semasa proses pembelajaran berlaku (Irma et al., 2021). Keadaan ini menyebabkan penglibatan semua murid berlaku di dalam kelas dan dikawal oleh guru secara terus (Feng et al., 2021). Ini turut disokong oleh pengkaji Aydin dan Erol (2021), pembelajaran tradisional menjadikan guru sebagai fasilitator atau pemudah cara bagi menggalakkan murid melibatkan diri dalam proses pembelajaran seperti pemerhatian, penyoalan, pendengaran, pembacaan, penulisan, dan kolaboratif bersama-sama dengan murid lain untuk memperoleh pengetahuan baharu dan seterusnya menggalakkan murid untuk melibatkan diri secara aktif.

Menurut Irma et al. (2021) pembelajaran bersemuka melibatkan komunikasi secara terus sama ada sehalau atau dua hala antara murid-guru dan murid-murid. Ini juga





dipersetujui oleh Randolph (2022) dengan memperincikan interaksi sosial dalam kalangan murid bagi pembelajaran secara bersemuka terdiri daripada tiga hubungan:

- i. Murid - Guru : Guru memberi sokongan kepada murid seperti memberi bimbingan dan motivasi kepada murid untuk memperoleh dan mengekalkan pengetahuan baharu.
- ii. Murid - Kandungan : Murid melibatkan diri secara aktif dengan membaca sumber pembelajaran seperti buku teks, buku rujukan atau nota yang diberikan oleh guru sebelum menulis respons yang mengukuhkan konseptualisasi secara terus.
- iii. Murid - Murid : Murid mengembangkan pengetahuan melalui komunikasi antara satu sama lain seperti perbincangan kelas, kerja kumpulan, ulasan rakan sebaya, main peranan, dan rangkaian sosial.

Secara rumusannya, ketiga-tiga kriteria interaksi murid ini berfungsi sebagai panduan untuk mengukur tahap penglibatan murid semasa pembelajaran bersemuka.

Perkembangan arus teknologi dan perubahan revolusi industri yang berlaku daripada Revolusi 1.0 kepada Revolusi 4.0 telah mengubah cara dan teknik penglibatan murid dalam sesi pembelajaran. Memandangkan teknologi baharu menjadi bahagian yang lebih penting dalam pembelajaran dan kehidupan harian murid, maka penglibatan murid dengan teknologi baharu adalah perlu untuk mereka bentuk pengalaman pembelajaran berpusatkan murid (Marshall & Kostka, 2020). Transformasi ini juga selari dengan kewujudan murid generasi Z yang dilahirkan bermula pada tahun 1995 sehingga tahun 2010 di mana mereka terdedah kepada teknologi dan mahir



menggunakan alatan komunikasi terkini berasaskan Internet sejak daripada kecil lagi (Isa et al., 2021). Murid generasi Z lebih tertarik dengan perkakasan komunikasi yang mampu memberi interaksi dan kemudahan kepada mereka seperti telefon bimbit, i-pad, *tablet*, dan komputer.

Rafiola et al. (2020) menyatakan bahawa peranan teknologi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran dalam era digital ini kerana dapat membantu murid berdikari. Hal ini membolehkan murid meneroka ilmu pengetahuan di mana-mana sahaja melalui carian di laman-laman Internet berkaitan dengan subjek yang ingin dipelajari oleh mereka. Implikasinya, gaya pembelajaran dengan lebih mudah secara dalam talian atau *online learning* mula di aplikasi oleh murid dalam dunia pendidikan sebagai sokongan kepada pembelajaran bersemuka.

Terdapat dua jenis pedagogi dalam talian boleh dilaksanakan, iaitu pembelajaran dalam talian tidak bergerak dan pembelajaran dalam talian bergerak (Little, 2022). Pembelajaran dalam talian bergerak digunakan untuk pelbagai bentuk pembelajaran digital, iaitu murid berinteraksi secara terus antara guru dan rakan-rakan menggunakan peralatan teknologi dan talian Internet seperti persidangan video pendidikan, webinar interaktif dan perbincangan dalam talian (Marshall dan Kostka, 2020). Sebaliknya, pembelajaran dalam talian tak bergerak digunakan untuk pelbagai bentuk pembelajaran digital dalam talian yang membenarkan murid belajar sendiri di lokasi yang berbeza dan secara tidak serentak seperti menonton video atau demonstrasi kuliah yang telah dirakamkan, atau melakukan pembacaan dan penulisan secara bebas dalam platform yang disediakan (Dos Santos & Cechinel, 2019). Ini menunjukkan



bahawa pembelajaran dalam talian membenarkan murid belajar di sebarang tempat tanpa mengira waktu.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan platform pembelajaran maya, iaitu *VLE Frog* dalam projek 1BestariNet pada tahun 2012 dan ditukarkan kepada *Google Classroom* pada tahun 2019 yang menyokong kepada pembelajaran dalam talian tidak bergerak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Platform digital ini digunakan oleh guru untuk menyampaikan nota berbentuk video atau slaid, latihan atau kuiz dan juga membolehkan murid menghantar tugas (Noor Desiro Saidin & Hazrati Husnin, 2021). Pembelajaran dalam talian tidak bergerak ini merupakan satu alternatif sokongan kepada pembelajaran bersemuka di mana pembelajaran secara bersemuka masih perlu dilaksanakan secara sepenuhnya.



Gelombang ketiga dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), iaitu bermula tahun 2021 sehingga tahun 2025 telah menekankan penerapan *Information and Communications Technology* (ICT) sepenuhnya sepanjang pelaksanaan pedagogi dan kurikulum (KPM, 2012). Pembelajaran jarak jauh merupakan salah satu usaha untuk ditingkatkan oleh KPM dalam meningkatkan lagi taraf pendidikan di Malaysia. Merujuk laporan *Microsoft* (15 Jun 2020), KPM dengan usaha sama *Google*, *Microsoft* dan *Apple* telah melancarkan satu pelantar digital baharu, iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMA) yang diintegrasikan dengan pelbagai perisian teknologi seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, dan *Digital TextBook*. Pelaksanaan platform DELIMA ini telah menyokong kepada pembelajaran dalam talian kerana mampu mewujudkan komunikasi antara guru dengan murid serta sesama murid di lokasi yang berlainan dalam masa yang sama





dengan menggunakan teknologi digital seperti Internet dan perkakasan komputer atau telefon bimbit.

Penularan wabak COVID-19 yang menyebabkan hampir 120 buah negara menghentikan pembelajaran bersemuka telah memberikan laluan kepada pengaplikasian pembelajaran dalam talian segera sepenuhnya (Kuppusamy & Norman, 2021). Gaya pembelajaran ini turut dicadangkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi membantu negara-negara, serta komuniti yang terdedah dengan kemiskinan untuk mengurangkan kesan penutupan sekolah dan memudahkan peluang pendidikan agar berterusan (UNESCO, 2020). Sejurus itu, KPM telah memperkenalkan konsep Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), iaitu pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah, pusat komuniti atau sebarang lokasi yang bersesuaian secara dalam talian, luar talian atau *off-site* dengan berstruktur dan terancang (Nur Hanisah & Mohd. Isa, 2021). PdPR ini dapat membantu kelangsungan pendidikan dan mengelakkan keciciran pembelajaran.

Pembelajaran dalam talian segera bukan sahaja melibatkan interaksi hubungan murid-guru, murid-kandungan, dan murid-murid, tetapi juga murid-aktiviti dan murid-teknologi. Interaksi antara murid dengan aktiviti melibatkan gabungan penglibatan murid dengan pembelajaran aktif seperti pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan permainan, manakala interaksi antara murid dengan teknologi memerlukan kemahiran untuk mengakses alat pembelajaran seperti komputer, Internet atau Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP) untuk melaksanakan aktiviti seperti membuat imbasan dokumen, menghantar e-mel, dan muat naik atau muat turun



dokumen (Randolph, 2022). Hal ini menyebabkan murid yang kurang kemahiran dalam teknologi tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dalam pembelajaran secara talian. Selain itu juga, guru bukan sahaja perlu menguasai kemahiran pedagogi, malah mereka juga perlu cekap menggunakan kemahiran teknologi dengan baik bagi memastikan proses pembelajaran dalam talian segerak berlangsung dengan sempurna.


Kecanggihan teknologi ini telah mewujudkan satu lagi gaya pembelajaran baharu, iaitu pembelajaran hibrid serentak (PHS). PHS merupakan satu gaya pembelajaran yang membenarkan dua gaya pembelajaran digabungkan secara serentak, iaitu pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian (UNESCO, 2020). PHS juga dikenali sebagai pembelajaran teradun serentak kerana konsep yang sama, iaitu menggabungkan murid secara bersemuka dan dalam talian secara serentak dalam proses pembelajaran (Raes et al., 2020).

Menurut Alhazbi dan Hasan (2021), pelaksanaan PHS yang menggunakan kekayaan teknologi dan kepelbagaian medium komunikasi, iaitu secara bersemuka dan dalam talian telah membawa perubahan kepada kaedah pengajaran, suasana pembelajaran, dan kaedah komunikasi. Hal ini menunjukkan bahawa, proses pembelajaran menggunakan pendekatan PHS memerlukan disiplin yang tinggi oleh guru dalam usaha memastikan murid dapat melibatkan diri sepenuhnya dari awal sehingga akhir proses pembelajaran terutama murid yang berada dalam talian.

Kaedah pengajaran yang menarik dan menggunakan teknologi yang bersesuaian membawa kepada penglibatan murid yang aktif sepanjang proses pembelajaran (Raes et al., 2020). Sebagai contoh, pelaksanaan PHS bukan sahaja memerlukan guru


menguasai kemahiran teknologi dan pedagogi, tetapi juga kaedah interaksi yang sesuai sama ada ketika murid bersemuka atau dalam talian supaya dapat meningkatkan motivasi mereka sepanjang proses pembelajaran dilaksanakan (Lakhal et al., 2020).

PHS mula diterokai di seluruh negara selepas berlakunya pandemik COVID-19. Rajah 1.1 menunjukkan carian pembelajaran hibrid melalui enjin pencarian *Google* mula meningkat pada Mac 2020 sehingga Februari 2021 di seluruh negara.



Rajah 1.1. Populariti Carian Pembelajaran Hibrid Mac 2020 Hingga Februari 2021 dari Google Trends, 2022

UNESCO (2020) menyifatkan PHS sebagai pelengkap terhadap kekurangan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian dengan menyokong model gabungan kedua-dua proses pembelajaran tersebut secara serentak menggunakan teknologi yang terkini. Rajah 1.2 menunjukkan terdapat negara-negara luar yang telah mengaplikasikan PHS selepas berlakunya pandemik COVID-19.



Rajah 1.2. Status kaedah persekolahan di 217 buah negara pada 11/02/2022 UNESCO, 2020


Bermula 3 Oktober 2021, KPM telah memperkenalkan pengoperasian PdP secara penggiliran iaitu murid dipecahkan kepada dua kumpulan dalam satu kelas dan kehadiran murid adalah mengikut kumpulan contohnya ketika kumpulan A hadir ke sekolah, kumpulan B akan belajar di rumah (Mohd Iskandar Ibrahim, 2021). Pelaksanaan ini dilakukan bagi mengurangkan bilangan murid di dalam kelas dalam satu masa untuk memastikan penjarakan fizikal murid dan dapat mengelakkan jangkitan COVID-19.

Ekoran daripada sistem penggiliran ini, kajian lapangan oleh penyelidik menunjukkan terdapat guru-guru yang mula melaksanakan kaedah PHS bagi membenarkan kumpulan murid yang berada di rumah dapat belajar bersama-sama kumpulan murid di sekolah secara serentak. Namun, pelaksanaan kaedah PHS ini hanya diaplikasikan oleh segelintir sekolah sahaja kerana kekangan peralatan teknologi dan talian komunikasi.

Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut melaksanakan projek “Implementasi Kelas Hibrid di empat buah sekolah di Daerah Batu Pahat” pada Ogos 2021 iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munshi Sulaiman, SMK Semerah, SMK Senggarang, dan SMK Suria Perdana menjalani pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara lebih berkesan pada era pandemik ini (Suriati Baharom, 2021). Pelaksanaan ini menunjukkan bahawa pihak UTHM turut memberi sokongan kepada gaya pembelajaran dengan menggunakan pendekatan PHS bagi membantu kelangsungan pembelajaran dalam kalangan murid-murid di daerah Batu Pahat.

Pada April 2022, sekolah mula dibuka sepenuhnya dan pembelajaran secara bersemuka dilaksanakan kepada semua murid. Namun begitu, KPM terus menyokong PHS ini dengan melaksanakan projek rintis yang membabitkan sebanyak 550 buah kelas hibrid di 110 sekolah terpilih bermula November 2022. Menurut Irwan Shafrizan Ismail (2022), konsep PHS yang diperkenalkan oleh KPM ialah membenarkan guru mengajar secara serentak iaitu murid di dalam kelas dan juga murid yang berada di sekolah lain. KPM juga telah menyediakan menu Pembelajaran Hibrid dalam portal

DELIMA seperti Rajah 1.3 sebagai panduan kepada para guru berkenaan dengan pembelajaran hibrid.



Rajah 1.3. Menu-menu guru pada papan pemuka DELIMA dari Portal DELIMA

Syarikat-syarikat industri teknologi juga banyak menyokong gaya pembelajaran menggunakan pendekatan PHS. Syarikat *Viewsonic* telah membuat satu pelancaran peranti dan aplikasi digital yang baharu, iaitu *MyViewBoard* pada 23 Julai 2020 bagi menyokong pembelajaran normal baharu berasaskan teknologi kepada sekolah, kolej dan universiti (Brea, 2020). Gabungan peranti *ViewBoard* dan aplikasi *MyViewBoard* ini telah membenarkan interaksi berlaku antara guru dengan murid bersemuka dan murid dalam talian.

Selain itu, laporan daripada Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU, 2021) juga menunjukkan sebanyak 150 000 peranti digital telah diagihkan kepada murid daripada kumpulan keluarga B40 dengan kerjasama Yayasan Hasanah, iaitu



sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. Peranti digital ini membolehkan murid untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran walaupun berada di rumah.

Laporan PADU (2020) juga menunjukkan bahawa KPM dalam proses memastikan semua sekolah mempunyai capaian Internet sepenuhnya pada tahun 2023. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut meningkatkan liputan 4G sebanyak 95.52% bagi suku tahun 2022 (MCMC, 2022). Perkembangan kemudahan Internet ini membolehkan pembelajaran dilaksanakan secara fizikal mahupun maya.


Perkara ini menunjukkan bahawa banyak pihak memberikan sokongan dalam usaha melaksanakan pembelajaran secara digital seperti pembelajaran hibrid. Hal ini dikatakan demikian kerana, kaedah pembelajaran sebegini dapat meneruskan kelangsungan pendidikan secara berterusan. Pembelajaran hibrid membenarkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran walaupun tidak berada di dalam kelas. Namun begitu, corak penglibatan murid agak berbeza kerana dalam masa yang sama perlu melibatkan murid bersemuka dan murid dalam talian berada secara serentak. Penglibatan interaksi sosial dalam kalangan murid bagi PHS yang terdiri daripada murid-guru, murid-kandungan, murid-murid, murid-aktiviti dan murid-teknologi akan mempengaruhi pembelajaran PHS sama ada secara aktif mahupun pasif.

1.3 Pernyataan Masalah

Penglibatan merupakan aspek yang penting bagi mencapai kejayaan akademik murid (Abla & Fraumeni, 2019). Implikasinya, penglibatan yang tinggi akan membawa



kepada pencapaian akademik yang tinggi. Kenyataan ini adalah selari dengan data daripada Reckmeyer (2019) pada Rajah 1.4 yang menunjukkan penglibatan murid yang rendah dalam proses pembelajaran akan memberikan keputusan akademik yang rendah.



Rajah 1.4. Perbandingan peratus pencapaian akademik berdasarkan penglibatan murid

05-4506832 Kajian Smith (2018) juga menunjukkan penglibatan murid sekolah menengah


di *Upper Midwest* Amerika Syarikat dalam persekitaran PHS adalah rendah dan telah memberi peratusan rendah dalam mata pelajaran teras seperti Bahasa Inggeris, Matematik, Kajian Sosial dan Sains. Manakala, kajian-kajian lepas seperti Al-Ataby (2021) dan Washuta et al. (2021) menunjukkan bahawa tahap penglibatan murid pada peringkat pengajian tinggi dalam proses pembelajaran melalui PHS adalah tinggi dan mampu meningkatkan pencapaian akademik. Oleh yang demikian, didapati bahawa murid sekolah menengah lebih rendah penglibatannya dalam PHS berbanding murid peringkat pengajian tinggi.

Namun begitu, dapatan ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Gallup (2016) terhadap 900 000 orang murid daripada gred 5 (10 tahun) sehingga gred 12 (17 tahun) berkenaan penglibatan murid di mana hasil kajian menunjukkan semakin tinggi

peringkat umur, semakin kurang penglibatan seperti Rajah 1.5. Jelaslah bahawa dapatan kajian-kajian lepas berkenaan tahap penglibatan murid masih belum konklusif kerana terdapat percanggahan dapatan kajian terutama dalam PHS. Oleh itu, satu kajian lanjut perlu dilakukan sebagai perkembangan kajian bagi mengenal pasti tahap penglibatan murid sekolah menengah dalam proses pembelajaran terutama melalui pendekatan PHS.

Student Engagement — By Grade

% ENGAGED



Rajah 1.5. Peratus Penglibatan Murid daripada Gred 5 sehingga Gred 12

Didapati bahawa, kajian-kajian lepas berkaitan penglibatan murid dalam proses pembelajaran melalui pendekatan pembelajaran dalam talian (Sapian & Mahad, 2021), gamifikasi (Ismail & Mohamad Nasri, 2021), dan pembelajaran teradun (Kamarudin & Norman, 2022) telah banyak dijalankan, namun penglibatan murid dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS masih terhad. Oleh itu, perlu satu kajian lain untuk dilaksanakan dalam mengenalpasti sejauh mana penglibatan murid dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS.

Kawalan sendiri murid amat penting semasa pembelajaran dalam talian kerana guru dan murid berada di lokasi yang berbeza. Kajian-kajian empirikal lepas (Doo &

Bonk (2020); Reparaz et al., 2020) menunjukkan bahawa kawalan sendiri yang tinggi memberi kesan positif kepada penglibatan murid melalui pembelajaran dalam talian. Namun, dapatan tersebut tidak sesuai untuk digeneralisasikan kepada PHS kerana PHS melibatkan gabungan pembelajaran dalam talian dan bersemuka secara serentak. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk melaksanakan satu kajian lain dalam menentukan pengaruh kawalan sendiri murid terhadap penglibatan murid dalam proses pembelajaran menggunakan pendekatan PHS.

Guru memainkan peranan dalam mewujudkan interaksi pengajaran yang positif dalam proses pembelajaran. Beberapa kajian lepas (Rapanta et al., 2020; Siti Nur Diyana Mahmud et al., 2020; El-Sayad et al., 2021) menunjukkan bahawa interaksi pengajaran secara signifikan mempengaruhi penglibatan murid di peringkat pengajian tinggi melalui pembelajaran dalam talian. Walaubagaimanapun, masih kurang kajian lepas yang mengkaji pengaruh interaksi pengajaran kepada penglibatan murid sekolah menengah terutama dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS. Implikasi daripada status beberapa penyelidikan lepas, adalah sewajarnya, kajian secara khusus perlu dilakukan bagi mengkaji faktor ini dalam PHS kerana PHS bukan sahaja melibatkan pembelajaran dalam talian tetapi pembelajaran bersemuka yang dilaksanakan secara serentak.

Interaksi sosial penting dalam mewujudkan proses pembelajaran yang aktif dan berkesan (Washuta et al., 2021). Dapatan kajian lepas (Nataran & Joseph, 2022; Mioa et al., 2022) menunjukkan interaksi sosial mempengaruhi kepada penglibatan murid dalam proses pembelajaran. Tetapi, faktor ini hanya dikaji kepada pembelajaran dalam talian sahaja. Lantaran itu, satu kajian baru perlu dilakukan bagi menentukan faktor



interaksi sosial yang berlaku dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS mempengaruhi penglibatan murid.

Jelaslah bahawa dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial adalah penting kepada penglibatan murid. Namun sorotan lepas telah menunjukkan bahawa faktor-faktor ini hanya dikaji dalam pembelajaran dalam talian dan dikaji secara berasingan. Masih kurang kajian dilakukan, terutamanya dalam konteks PHS yang melihat perkaitan antara kawalan sendiri, interaksi pengajaran, interaksi sosial dan penglibatan murid secara serentak dalam satu model hubungan.

Kajian terbaru Zhong et al., (2022) telah menggunakan ketiga-tiga faktor-faktor ini dalam kajian mereka bagi melihat penglibatan dan ketekunan murid di peringkat pengajian tinggi dalam pembelajaran teradun serentak (BSL). Walau bagaimanapun, dapatan kajian tersebut tidak sesuai untuk digeneralisasikan kepada pembelajaran hibrid serentak terutama pada peringkat sekolah menengah. Justeru itu, satu kajian yang lain perlu dilaksanakan dengan menggunakan peramal yang sama, iaitu kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial terhadap penglibatan murid sekolah menengah dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS.

Dengan mempertimbangkan keperluan dan potensi, pengkhususan penyelidikan perlu dilakukan pada peringkat sekolah menengah, bukan sahaja bagi memenuhi jurang kajian yang ada malah untuk menentukan faktor-faktor kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial yang mempengaruhi keberkesanan PHS dalam aspek penglibatan murid. Dapatan kajian ini boleh menjadi panduan kepada pengkaji akan





datang yang ingin melaksanakan kajian berkenaan PHS. Hasil dapatan kajian juga boleh dikongsi dengan guru untuk membentuk pengajaran PHS yang lebih bermakna supaya dapat memperlihatkan penglibatan murid yang lebih tinggi dalam proses pembelajaran.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS. Kajian ini juga menentukan pengaruh kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial terhadap penglibatan murid. Semua pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini telah dihubungkan dengan satu kerangka konsep kajian.

1.5 Objektif Kajian

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. mengenalpasti tahap penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS.
2. menentukan pengaruh kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS.



3. menentukan peramal terpenting ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS.

1.6 Soalan Kajian

1. Apakah tahap penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses melalui pendekatan PHS?
2. Adakah terdapat pengaruh kawalan sendiri ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS?
3. Adakah terdapat pengaruh interaksi pengajaran ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS?
4. Adakah terdapat pengaruh interaksi sosial ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS?
5. Apakah peramal terpenting ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS?

1.7 Hipotesis Kajian

Tiga hipotesis alternatif telah dikemukakan dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian, iaitu:

- Ha1: Terdapat pengaruh kawalan sendiri yang signifikan ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS.
- Ha2: Terdapat pengaruh interaksi pengajaran yang signifikan ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS.
- Ha3: Terdapat pengaruh interaksi sosial yang signifikan ke atas penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian ini diadaptasi daripada Model Pembelajaran Teradun Serentak (BSL) oleh Zhong et al., (2022). Model BSL dipilih kerana konsep gaya pembelajaran BSL adalah sama dengan gaya pembelajaran PHS. Selain itu, kesesuaian konstruk dan hubungannya menjadi asas kepada penyelidikan ini.

Model BSL terdiri daripada tiga pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial yang menjadi peramal kepada penglibatan murid dan ketekunan murid. Kerangka konseptual kajian ini juga menggunakan ketiga-tiga peramal model BSL iaitu kawalan sendiri, interaksi pengajaran, dan interaksi sosial sebagai pemboleh ubah bebas.

Namun, kerangka konseptual kajian ini menggugurkan ketekunan murid dan hanya mengambil penglibatan murid sebagai pemboleh ubah bersandar dengan

mengubah suai menjadi penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS. Ketekunan murid digugurkan kerana merujuk kepada hipotesis model BSL, interaksi pengajaran dan interaksi sosial tidak mempengaruhi secara positif kepada ketekunan murid.

Rajah 1.6 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang menggambarkan hubungan antara pemboleh ubah – pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial dengan pemboleh ubah bersandar iaitu penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS. Berdasarkan kerangka konseptual, kajian ini mengkaji tahap penglibatan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL dalam proses pembelajaran melalui pendekatan PHS serta menentukan faktor-faktor yang menjadi pengaruh dan peramal kepada penglibatan murid.



Rajah 1.6. Kerangka Konseptual Kajian yang Diubah Suai Daripada Model Pembelajaran Teradun Serentak (BSL) dari Zhong et al., 2022

1.9 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai kepentingannya tersendiri. Seajar dengan itu, terdapat beberapa kepentingan yang digariskan oleh pengkaji dalam kajian ini. Pertamanya daripada aspek teoretikal, sorotan kajian lepas berkaitan PHS di peringkat sekolah masih sedikit dilaksanakan (Raes et al., 2020), terutamanya di Malaysia. Sejurus itu, hasil kajian ini diharap dapat menjadi bahan rujukan kepada pengkaji akan datang yang ingin membuat kajian berkaitan PHS atau pembelajaran campuran.

Kepentingan ke dua adalah daripada aspek empirikal. Konsep pembelajaran hibrid serentak belum dilaksanakan sepenuhnya oleh sistem pendidikan sekolah menengah di Malaysia. Maka, ini memberi pengetahuan baharu kepada dunia pendidikan di Malaysia terutama pada peringkat sekolah menengah. Melalui kajian ini diharapkan dapat agar para guru dapat pengetahuan berkenaan konsep pelaksanaan PHS. Hasil kajian ini boleh memberikan idea kepada para guru terutama guru-guru yang mengajar di WPKL untuk melaksanakan proses pembelajaran melalui pendekatan PHS dengan menambah baik faktor-faktor yang dikaji terutama faktor pengajaran supaya penglibatan murid dapat ditingkatkan.

Kepentingan kajian ini seterusnya adalah kepada implikasi praktikal. Pihak sekolah boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai rujukan untuk menyediakan kelengkapan berteknologi dan menyediakan platform kelajuan capaian Internet yang terbaik semasa melaksanakan PHS dilaksanakan untuk memastikan pembelajaran berjalan dengan lancar. Kesannya, faktor interaksi sosial dapat ditambah baik sekali gus dapat meningkatkan penglibatan murid dalam PHS.



Murid juga dapat mengetahui kepentingan penglibatan mereka dalam PHS dan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan para murid dalam PHS. Hal ini dapat membantu para murid untuk menambah baik lagi faktor seperti kawalan sendiri supaya penglibatan pembelajaran mereka dapat ditingkatkan.

KPM melaksanakan kaedah PHS kepada 110 buah sekolah rintis bagi membenarkan guru pakar mengajar secara serentak murid di dalam kelas dan murid di sekolah lain yang berada dalam talian. Lantaran itu, hasil kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan oleh pihak PPD, JPN WPKL dan KPM bagi memastikan pelaksanaan PHS memberikan impak yang tinggi kepada guru dan murid berdasarkan kepada faktor-faktor yang dikaji.



Hasil kajian ini juga penting kepada syarikat dalam industri teknologi seperti *ViewSonic* dalam usaha menghasilkan peralatan teknologi yang bersesuaian bagi menyokong PHS. Selain itu, pihak syarikat juga dapat melaksanakan kursus-kursus yang berimpak tinggi bagi meningkatkan kemahiran guru dalam PHS.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini perlu dilaksanakan kerana mempunyai kepentingan bukan sahaja kepada murid dan guru, malah kepada pihak-pihak lain seperti sekolah, PPD, JPN, KPM dan syarikat dalam industri teknologi. Pelaksanaan pendekatan PHS sebenarnya mampu meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia ke arah yang lebih tinggi dan mampu meneruskan kelangsungan pendidikan.



1.10 Batasan Kajian

Beberapa batasan teoretikal dan metodologikal kajian ini iaitu skop kajian, populasi dan sampel kajian, serta kaedah pengumpulan data yang digunakan.

Pertamanya, kajian ini hanya memfokuskan aspek penglibatan murid sahaja bagi mengukur keberkesanan PHS. Peranan setiap konstruk yang digunakan sebagai peramal, iaitu kawalan sendiri, interaksi pengajaran dan interaksi sosial hanya diterokai secara umum sahaja.

Kedua, populasi kajian hanya melibatkan murid tingkatan empat sekolah menengah di WPKL sahaja. Manakala, saiz sampel kajian ini hanya melibatkan 350 orang murid tingkatan empat yang mempunyai pengalaman dalam PHS. Sampel kajian ini tidak boleh mewakili seluruh populasi murid sekolah menengah di Malaysia yang terlibat dalam pembelajaran secara PHS.. Saiz sampel yang terhad juga sedikit sebanyak mengurangkan generalisasi penemuan kajian.

Ketiga, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah kajian tinjauan kerana kajian ini cukup hanya mendapat data melalui soal selidik tanpa memerlukan eksperimen atau pemerhatian terhadap PHS. Oleh itu, pendapat murid itu sendiri secara peribadi berkenaan keberkesanan PHS tidak diperolehi.

Oleh itu, kajian ini tidak dapat memberikan kesimpulan kepada keberkesanan pelaksanaan PHS sepenuhnya. Hasil kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada ciri-ciri kes yang sama sahaja.



1.11 Definisi Operasional

Berikut merupakan beberapa definisi operasional yang membantu menjelaskan secara ringkas bagi kesemua faktor utama dan item-item penting dalam penyelidikan ini.

1.11.1 Penglibatan Murid

Penglibatan murid mengikut Zhong et al. (2022) merujuk kepada penglibatan tingkah laku, iaitu penyertaan murid dalam aktiviti, pematuhan kepada peraturan atau piawaian, dan memberi perhatian kepada pembelajaran sendiri. Keterlibatan murid dapat menjadi penanda kepada kejayaan dalam sesebuah proses pembelajaran (Abla & Fraumeni, 2019). Penglibatan murid dalam kajian ini menjelaskan kehadiran dimensi tingkah laku, emosi dan kognitif dalam membantu murid untuk menyertai proses pembelajaran yang menggunakan kaedah PHS.

1.11.2 Kawalan Kendiri

Sulman et al. (2022) menyatakan bahawa kawalan sendiri ialah keupayaan seseorang untuk mengarahkan fikiran, perasaan dan keinginan, dan tindakan untuk mencapai matlamat. Manakala, menurut Zhong et al. (2022) kawalan sendiri merupakan idea dan sikap yang dihasilkan sendiri oleh murid, dan tingkah laku yang secara sistematiknya berorientasi ke arah mencapai objektif. Kawalan sendiri merupakan aktiviti perancangan, pemantauan dan penilaian oleh murid dalam proses pembelajaran bagi mencapai matlamat pembelajaran (Sulistyawati & Kuswandono, 2022). Oleh itu,



kawalan sendiri dalam kajian ini merujuk kepada usaha yang dilaksanakan oleh murid dalam mengawal pembelajaran secara sendiri bagi mencapai objektif pembelajaran dengan menerap unsur motivasi dan tingkah laku.

1.11.3 Interaksi Pengajaran

Interaksi pengajaran telah digambarkan oleh Elmore (2022) sebagai satu reka bentuk, pemudahan dan arah proses kognitif serta sosial untuk tujuan merealisasikan hasil pembelajaran yang bermakna dan bermanfaat secara peribadi. Guru memainkan peranan penting untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran melalui reka bentuk pengajaran, cara mereka memudahkan pembelajaran dan komunikasi, dan membentangkan kandungan pelajaran (Zhong et al., 2022).

Stillman et al. (2023) turut mentakrifkan interaksi pengajaran sebagai reka bentuk pengajaran, pemudahcaraan dan hala tuju proses kognitif dan sosial untuk tujuan merealisasikan pembelajaran peribadi yang bermakna dan berbaloi dalam pendidikan. Interaksi pengajaran dalam kajian ini bermaksud sejauh mana guru dapat berkomunikasi dengan murid, menyampaikan kandungan, menjadi fasilitator dengan membantu dan membimbing murid memahami konsep kandungan serta pengurusan masa dalam PHS dijalankan.

1.11.4 Interaksi Sosial

Thompson (2022) mendefinisikan interaksi sosial sebagai keupayaan individu untuk kelihatan nyata dalam tetapan digital dan melibatkan diri dalam bilik darjah secara talian untuk membangunkan pemikiran aras tinggi. Zhong et al. (2022) menggambarkan interaksi sosial sebagai keupayaan murid membentuk diri mereka secara sosial dan efektif melalui medium komunikasi. Menurut Whiteside et al. (2023), interaksi sosial merupakan proses bagaimana seseorang boleh mewujudkan kedekatan dan keintiman melalui pelbagai teknologi untuk tujuan pembelajaran. Maka interaksi sosial dalam kajian ini bermaksud komunikasi antara murid dan guru serta sesama murid dalam pelbagai aspek seperti pertanyaan, perbincangan dan soal jawab untuk mewujudkan sikap kekitaan, keselesaan, kepercayaan dan kerjasama.

1.11.5 Pembelajaran Hibrid Serentak (PHS)

Raes et al. (2020) menyifatkan pembelajaran hibrid serentak sebagai gaya pembelajaran yang memberi peluang kepada murid untuk menyertai proses pembelajaran tidak kira di mana sahaja mereka berada. UNESCO (2020) mendefinisikan pembelajaran hibrid serentak sebagai pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian secara serentak. Pembelajaran hibrid serentak dalam kajian ini ialah pendekatan gaya pembelajaran yang mana guru mengajar murid di dalam kelas (bersemuka) dan murid di rumah (dalam talian) secara serentak.



1.12 Rumusan

Bab ini telah membincangkan berkenaan pendahuluan bab satu, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Bab seterusnya akan membincangkan literatur kajian.

